

23 FEB 2003

NAM: SIDANG KEMUNCAK AKAN BERJAYA DI BAWAH DR MAHATHIR - PM BAHRAIN

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Bahrain yakin bahawa Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 yang dihoskan Malaysia di bawah bimbingan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menempa kejayaan dan mencapai semua matlamat yang ditetapkan, kata Perdana Menteri Bahrain Shaikh Khalifa Salman Al-Khalifa hari ini.

"Kami yakin Malaysia dan Perdana Menterinya yang mempunyai wawasan mendalam dan pengalaman luas akan menyumbang kepada kejayaan sidang kemuncak ini dan pencapaian matlamat yang kita semua harapkan," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan kepada Bernama semasa ketibaannya di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA).

Beliau berkata Raja Hamad Isa Al-Khalifa turut menyampaikan ucapan selamat rakyat dan kerajaan Bahrain terhadap kejayaan sidang kemuncak itu.

Shaikh Khalifa berkata beliau tidak sabar bertemu dengan para pegawai Malaysia untuk membincangkan dan mencari jalan meningkatkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

-- BERNAMA

MHI MFJ RON